

Tutorial ICT

Bersama **FIRKHAN**

firkhan.uthm@yahoo.com



Pendikit kuasa Windows 10

TIDAK setiap semua aplikasi di komputer memerlukan penggunaan pemproses utama pada sepanjang masa. Selain digunakan oleh seseorang, aplikasi komputer ini secara aktif berjalan di latar belakang yang memerlukan penggunaan pemproses utama juga.

Kini, dalam sistem Windows 10 terdapat fungsi dapat mengurangkan beban aplikasinya dan memberinya ruang tersendiri iaitu pendikit kuasa atau *power throttling*. Fungsi ini berupaya menjimatkan hayat bateri dalam sistem komputer daripada terbangung kepada perkara yang tidak penting.

Microsoft telah menggunakan sistem pengesanan yang canggih untuk mengenal pasti perkara-perkara penting seperti pemain media, aplikasi yang berjalan di latar depan dan aplikasi lain yang diperlukan.

Pertama kali fungsi pendikit kuasa ini diperkenal kepada *Windows Insiders* pada bulan April dengan pelancaran program kemas kini, *Build 16176*. Sekarang, pendikit kuasa menjadi sebahagian daripada program kemas kini, *Fall Creators Update*.

Bagi menghidupkan atau mematikan pendikit kuasa pada komputer Windows 10 adalah semudah menggelongsor *power slider* pada menu bateri. Penetapan gelongsor mod kuasa kepada

Battery Save atau *Better Battery* meletakkan pendikit kuasa untuk berfungsi secara menyeluruh. Dengan itu boleh juga digerakkan gelongsor kuasa ke *Best Performance* dan matikan pendikit kuasa.

Dalam *Task Manager*, dapat dilihat aplikasi yang dioptimumkan oleh Windows 10.

Buka *Task Manager* dan pergi ke tab *Details*. Klik kanan tajuk, klik *Select Column*, dan tandakan kotak pilihan yang bertulis, *Power Throttling* ke lajur baru dengan nama sama. Perkara ini akan memberitahu sama ada pendikit kuasa diaktifkan atau tidak untuk sesuatu aplikasi atau proses. Bagi melihatnya dalam tindakan, cuba meminimumkan atau memaksimumkan aplikasi dan kemudian lihat pada lajur *Power Throttling*.

Tidak semua pengguna Windows 10 boleh memanfaatkan fungsi pendikit kuasa ini. Oleh kerana ciri ini dibangunkan untuk meningkatkan jangka hayat bateri sesebuah komputer bagi sistem Windows 10, bateri fizikal perlu ada pada komputer tersebut.

Pendikit kuasa dinyahaktifkan secara lalai jika anda menjalankan Windows 10 pada komputer peribadi atau jika komputer riba disambungkan ke bekalan kuasa. Oleh itu, tiada apa yang akan berlaku apabila gelongsor mod kuasa pada Windows 10 digerakkan.

Penetapan boleh dilakukan sama ada Windows 10 harus mendikit aplikasi tertentu atau tidak. Ini dapat membantu sekiranya terdapat beberapa aplikasi tidak penting. Cara lain pula adalah dengan mengaktifkan pendikit kuasa untuk aplikasi yang tidak aktif sebelumnya. Pengguna boleh menandakan kotak pada bila-bila masa untuk mengaktifkan pendikit kuasa untuk aplikasi tertentu itu.

Penggunaan pendikit kuasa secara berkala mempunyai kelebihannya seperti dapat meningkatkan hayat bateri komputer Windows 10 dan mendapatkan tambahan beberapa minit tanpa melambatkan sistem komputer.